



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### 'SENTUHAN KASIH IBU' BENTUK KELUARGA PENYAYANG

**KOTA KINABALU, 11 MEI** – Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2025 telah berlangsung di Sabah International Convention Centre (SICC) hari ini dengan tema 'Sentuhan KASIH Ibu'. Majlis anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ini disempurnakan perasmianya oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin, Isteri Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapannya menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi oleh ibu muda pada hari ini seperti kos sara hidup yang tinggi, tekanan kerja dan keluarga, kekangan kewangan, kekurangan masa untuk diri sendiri dan beban tanggungjawab pendidikan anak-anak. Beliau turut mengingatkan agar ibu-ibu lebih berhati-hati dan berimbang terutamanya dalam membimbing anak-anak tentang penggunaan teknologi.

Sebagai usaha untuk memperkasa wanita dan ibu di Malaysia, KPWKM telah memperkenalkan Dasar Wanita Negara 2025–2030 dengan tema "Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara". Dasar ini memberi tumpuan kepada pemerksaan wanita merentas semua lapisan masyarakat dan dalam masa yang sama, pelbagai inisiatif diperkenalkan seperti Program Kasih Ibu Tunggal (PROKIT), Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT), MamaCare, Program Wanita Bangkit, 2 Years Exit Programme, Gig@bit dan Volvo Iron Women.

Bersempena dengan sambutan ini, Anugerah Ibu Inspirasi 2025 telah diberikan kepada Puan Hajjah Kasmirah Binti Jaafar yang merupakan anak kelahiran Bekok, Johor tetapi menghabiskan lebih separuh daripada usianya di Sabah Negeri di Bawah Bayu. Beliau lahir dari keluarga serba kekurangan, terpaksa berhenti belajar pada usia muda dan cabaran kehidupannya bertambah apabila perkahwinan yang dibina putus ditengah jalan. Hal ini memaksa beliau membesarkan lima anaknya dengan hasil titik peluhnya sendiri sebagai tukang jahit. Perjuangan dan pengorbanan ibu tunggal ini membuahkan hasil apabila kelima-lima anaknya telah berjaya menjadi pendidik, doktor dan jurutera.

Istimewa sambutan Hari Ibu tahun ini ialah apabila buat julung-julung kalinya diperkenalkan Ikon Ibu Muda yang dianugerahkan kepada Bella Astillah atau nama sebenarnya Dayang Ara Nabellah Awang Astillah. Anugerah ini bagi menginspirasi 'Semangat Bella' ibu muda yang memanfaatkan sepenuhnya bakat yang ada untuk bangkit daripada sejarah hidup yang penuh cabaran demi membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena sambutan ini termasuk *Forum Inspire & Empower*, Pakej Sayang Ibu, Saringan Kanser Reproduksi Wanita (WCaRe), aktiviti santai keluarga dan pameran daripada pelbagai agensi berkaitan. Aktiviti sempena Hari Ibu juga turut diadakan diperingkat negeri sepanjang bulan Mei.

Turut hadir pada sambutan ini YABhg. Datin Seri Panglima Datuk Hajah Juliah Salag, isteri YAB Ketua Menteri Sabah, YBhg Datin Seri Panglima Linda Ewit, Isteri YB Timbalan Ketua Menteri II, YBhg Datin DG Siti Noor Hayyat AG Mohd Saufi, Isteri YB Timbalan Ketua Menteri III, YB Datuk Flovia Ng, Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, barisan kepimpinan tertinggi KPWK, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kanan Persekutuan dan Negeri.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
11 Mei 2025**